

Kemenangan bermakna buat pengendali Tok Gajah

Oleh **Asrol Awang** - April 24, 2022 @ 3:56pm

bhsukan@bh.com.my



Aksi pemain Sri Pahang FC, David William Rowley (kiri) meraikan jaringan pasukannya pada aksi Liga Super menentang Penang FC di Stadium Darul Makmur, malam tadi. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Wajah ceria Christophe Gamel selepas Sri Pahang FC mencatat kemenangan 3-1 ke atas Penang FC di Stadium Darul Makmur malam tadi, seakan-akan menggambarkan kelegaan buat pengendali berkenaan.

Lebih-lebih lagi, kewibawaan jurulatih berasal dari Perancis itu dipersoalkan selepas gagal mencatat kemenangan pada tiga aksi berturut-turut. Pada masa sama, khabar angin mengenai kedudukan jurulatih berusia 50 tahun itu bakal tergugat sekiranya tewas kepada Penang.

Namun, kemenangan pertama dalam saingan Liga Super itu begitu bermakna buat Gamel, sekaligus memperbaiki kedudukan skuad Tok gajah dalam saingan liga ketika ini.

"Bagi saya tekanan tetap ada selepas tiga perlawanan tanpa kemenangan dan saya juga tidak boleh menyekat khabar angin mengenai kedudukan selaku jurulatih. Namun, saya tetap menjalankan tugas untuk memastikan Sri Pahang mencatat keputusan terbaik," katanya.

Mengulas kemenangan itu, Gamel gembira dengan prestasi anak buahnya yang menunjukkan peningkatan berbanding sebelum ini.

Katanya, kebangkitan yang dilakukan pada babak kedua dengan menjaringkan gol menceriaikan pasukan selepas hanya satu mata diperoleh daripada tiga perlawanan.

"Diharapkan kemenangan ini meningkatkan semangat kepada semua pemain untuk kekal konsisten," katanya

Pada perlawanan itu, tiga gol Sri Pahang, masing-masing satu dijaringkan oleh Nor Azam Azih pada minit ke-28, David Rowley minit ke-64 dan Sean Ginelli minit ke-73. Gol tunggal Penang pula dijaringkan pemain pertahanan, Ahmad Sukri Abdul Hamid pada minit ke-45.

Kemenangan pertama itu melonjakkan kedudukan skuad Tok Gajah di kedudukan kesembilan liga dengan mengutip empat mata daripada empat perlawanan.